

04 MAY 1998

AIG NAK KUMPUL AS\$1 BLN BAGI TABUNG PEMULIHAN SERANTAU

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- American International Group Inc. (AIG) akan menyumbang AS\$150 juta (RM547.5 juta) kepada tabung AS\$1 bilion (RM3.65 bilion) yang akan dikumpul olehnya di seluruh dunia bagi membantu pemulihan ekonomi-ekonomi Asia Tenggara.

"Kami akan mengumpulnya dalam beberapa bulan lagi," Pengerusi AIG Maurice Greenberg memberitahu pemberita selepas menandatangani perjanjian usahasama di antara AIG dan syarikat Malaysia, Software International Corporation (M) Sdn Bhd.

Upacara itu dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan duta Amerika ke Malaysia, John Mallott.

Greenberg berkata dana tabung itu akan dilaburkan dalam sekuriti di pasaran, pelaburan terus dan bon korporat untuk manfaat ekonomi-ekonomi Asia Tenggara.

Sementara itu, dalam satu sidang media, Presiden Majlis Perniagaan Amerika-Asean Ernest Z. Bower berkata AIG akan mengumpul tabung tersebut di kalangan ahli-ahli bank pelaburan dan pelabur antarabangsa.

Tabung itu akan menambah senarai tabungan Asia AIG, seperti Asian Equity Fund sebanyak AS\$1 bilion dan Asian Infrastructure Fund AIG yang melebihi AS\$1 bilion, tambahnya. -- BERNAMA

AD JR MA